



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**19 JULAI 2018 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Pandang serius isu dibangkit

24



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>19 JULAI 2018 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pandang serius isu dibangkit
Muka Surat	24

# Pandang serius isu dibangkit

**MPAJ, KDEB atasi isu sampah, longkang tersumbat**

AHMAD ISMADI ISMAIL

**AMPANG**

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memandang serius isu sampah dan longkang tersumbat yang dibangkitkan oleh para peniaga dan penjaja Pasar Pagi Taman Muda.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya akan memastikan KDEB Waste Management melaksanakan tugas mengikut prosedur operasi standard (SOP).

"Hasil semakan kami mendapati syarikat berkenaan melakukan pungutan sampah setiap hari di pasar tersebut," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Norhayati berkata, pembersihan longkang pula dilakukan mengikut jadual namun peniaga dan pengunjung

**Hasil semakan kami mendapati syarikat berkenaan melakukan pungutan sampah setiap hari di pasar tersebut." - Norhayati**

restoran di kawasan itu dipercayai membuang sisa sampah ke dalam longkang berkenaan.

"Pihak kontraktor akan melakukan pembersihan termasuk di kawasan perangkap sampah, longkang kini tidak ada lagi masalah tersumbat," katanya.

Sebelum ini, Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong melawat pasar berkenaan bagi mengenal pasti masalah

longkang yang didakwa tersumbat di sekitar pasar berkenaan.

Brian turut membawa seorang wakil dari Thailand yang menawarkan sistem teknologi secara percuma membantu masalah longkang tersumbat.

Brian berharap para peniaga dan pengguna dapat meningkatkan kesedaran sivik bersama-sama menjaga alam sekitar.



Kedudukan sampah yang dibersihkan oleh kontraktor.